

KHUTBAH KHAS SEMPENA SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN TUDM KE-60 DI PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3523-khutbah-khas-sempena-sambutan-hari-ulang-tahun-tudm-ke-60-di-pangkalan-udara-gong-kedak

GONG KEDAK, 1 Jun 18 - Wakil Komander Pangkalan, Lt Kol Wan Zainal Abidin bin Wan Yaacob TUDM, Pegawai-pegawai Kanan, pegawai-pegawai dan anggota lain-lain pangkat serta penduduk kampung sekitar Pangkalan Udara Gong Kedak menunaikan solat Jumaat dan mendengar Khutbah Khas Sempena Hari Ulang Tahun Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) ke-60 di Masjid Ar-Raudhah Pangkalan Udara Gong Kedak.

Khutbah Jumaat ini telah dibacakan oleh Pegawai Agama Pangkalan, Mej Anuar bin Mat Zain yang bertajuk “Kuasa Udara, Tonggak Kedaulatan Negara” yang mana mengajak jemaah untuk mensyukuri terhadap keamanan yang dikurniakan Allah S.W.T melalui keteguhan serta kesiapsiagaan TUDM dalam mempertahankan Ruang Udara Negara dan kedaulatan Negara.

Selepas Solat Jumaat turut diadakan Tadarus Perdana yang disertai anggota pangkalan dari semua skuadron dan cawang serta ahli BAKAT yang dibahagikan kepada 30 kumpulan dan berjaya mengkhatamkan Al-Quran dari Juzuk 1 hingga Juzuk 30.



